

TERAPAN PENDEKATAN DAKWAH DALAM LIRIK-LIRIK LAGU DENDANGAN MAHER ZAIN

Nurul Natasya Harun
tasahh1809@gmail.com

Mohamad Zuber Ismail
zuber77@iium.edu.my

Arina Johari
arinajr@iium.edu.my

*Kulliyyah Bahasa dan Pengurusan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)*

ABSTRAK

Lirik lagu berunsurkan keislaman merupakan unsur kesenian yang mampu memberikan impak yang positif terhadap pembentukan dan perkembangan psikologi dan minda seseorang individu. Sehubungan itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti unsur-unsur dakwah dan menganalisis pendekatan dakwah dalam lirik lagu *Insyallah* dan *Open Your Eyes* dendangan Maher Zain. Bagi mencapai objektif tersebut, pengkaji telah menjalankan kajian berpandukan Teori Pengkaedahan Melayu, iaitu menerusi pendekatan dakwah yang diasaskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Seterusnya, kaedah kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Hasil kajian ini mendapati bahawa wujudnya unsur-unsur dakwah yang ingin disampaikan dalam kedua-dua buah lagu tersebut. Kesaratan mesej dakwah seperti percaya akan pertolongan Allah, tidak berputus asa dalam berdoa, mensyukuri segala nikmat dan Allah Maha Pencipta dalam bait-bait lirik lagu nyanyian Maher Zain itu kemudiannya berpotensi memberi implikasi yang positif kepada pengembangan ajaran agama Allah. Jelaslah, karya sastera termasuklah lirik lagu merupakan salah satu wahana penyampaian dakwah yang berkesan dalam kalangan umat manusia.

Kata Kunci: *Teori Pengkaedahan Melayu, Pendekatan Keagamaan, Dakwah, Lirik, Lagu*

PENGENALAN

Karya sastera merupakan manifestasi kesenian yang dihasilkan menerusi media bahasa yang kreatif dan indah. Perkara tersebut dapat membuka ruang dan peluang kepada khalayak masyarakat untuk menikmati kehalusan dan keartistikannya. Menurut Jumali Selamat (2009), hasil karya merupakan luahan fikiran pengarang tentang rencam kehidupan manusia dan alam persekitarannya yang diadun bersama pengalaman melalui daya kreativiti dan imajinasinya.

Rentetan daripada penghasilan karya, wujudnya disiplin ilmu dalam bidang kesusasteraan, iaitu kritikan sastera. Kritikan sastera merupakan kegiatan menghayati secara menyeluruh, menganalisis secara interpretif serta melakukan penilaian secara rasional terhadap sesebuah karya. Perkara tersebut adalah suatu usaha mempertimbang dan menilai karya sastera secara jujur dan sistematik (Hashim Awang, 1985).

Dalam kajian ini, pengkaji akan mengkritik karya sastera menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang dipelopori oleh Prof. Dato' Dr. Hashim Awang pada tahun 1989. Teori ini terbahagi kepada dua pengkaedahan, iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Pengkaji hanya akan mengaplikasikan salah satu pendekatan dalam pengkaedahan keagamaan, iaitu pendekatan dakwah. Hashim Awang (2002) menggariskan pendekatan dakwah sebagai teras pendekatan Islam dalam sesuatu karya sastera. Hal ini demikian kerana sastera dakwah dapat menjadi wadah untuk meningkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah SWT. Oleh hal yang demikian, pemilihan pendekatan ini dilihat sangat signifikan dan bersesuaian untuk digunakan dengan korpus kajian ini, iaitu lirik lagu.

Lirik lagu merupakan antara medium untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat waima secara tersurat atau tersirat. Hiburan seperti muzik dan bunyi-bunyian amat diperlukan oleh setiap manusia sebagai santapan jiwa. Perkara ini jelas membuktikan bahawa pendekatan dakwah dalam lagu berpotensi memberi pengaruh yang berkesan kepada pendengar termasuklah dari segi pemikiran. Justeru, pengkaji ingin menonjolkan unsur-unsur dakwah yang terdapat dalam bait-bait lirik lagu *InsyaAllah* dan *Open Your Eyes* nyanyian Maher Zain, iaitu seorang penyanyi antarabangsa yang cukup masyhur dengan lagu bersifat ketuhanan. Kebanyakan lagu yang dihasilkan oleh beliau bukan sahaja sekadar hiburan, malahan sarat dengan mesej dakwah kepada setiap golongan masyarakat tidak mengira usia, agama, bangsa mahupun pangkat. Mesej dakwah dalam lagu-lagu beliau juga telah mampu menarik perhatian jutaan umat Islam di seluruh dunia termasuklah di Malaysia. Tegasnya, pengkaji ingin menilai karya sastera ciptaan Maher Zain menerusi pendekatan dakwah dalam Teori Pengkaedahan Melayu.


METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menerapkan dua kaedah, iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kaedah kepustakaan dilakukan melalui proses pembacaan bahan bertulis seperti artikel, makalah dan jurnal kajian-kajian lepas. Bahan-bahan ini pengkaji dapatkan menerusi perpustakaan dalam talian seperti *Scribd*, *Google Scholar* dan *Research Gate*. Proses pembacaan tersebut dilakukan bagi memperoleh idea asas dan pemahaman yang jitu berkaitan dengan kajian yang hendak dijalankan oleh pengkaji. Rujukan kajian lepas ini penting bagi memastikan penulisan pengkaji tidak terpesong daripada objektif kajian.

Seterusnya, pengkaji telah mengakses laman media sosial, iaitu *Youtube* bagi mendengar lagu *InsyaAllah* dan *Open Your Eyes* dendangan Maher Zain bagi kedua-dua versi,

iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Pengkaji juga mengakses laman sesawang yang mempamerkan lirik-lirik lagu tersebut bagi memudahkan pengkaji dalam proses yang berikutnya. Bagi kaedah analisis teks, penelitian terhadap lirik lagu bagi kedua-dua bahasa dilakukan untuk mengenal pasti unsur-unsur yang bertepatan dengan pendekatan dakwah dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Data-data yang diperoleh kemudiannya akan dipersembahkan dalam bentuk jadual dan penghuraianya dikupas secara terperinci.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN



Rajah 1: Teori Pengkaedahan Melayu

Lirik-lirik lagu dendangan Maher Zain, iaitu *Insyallah* dan *Open Your Eyes* telah dianalisis berpandukan pendekatan dakwah yang telah diperkenalkan oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Berdasarkan Rajah 1 di atas, pendekatan dakwah merupakan salah satu cabang daripada Pengkaedahan Keagamaan yang melihat sastera sebagai medium untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah SWT (Hashim Awang, 2002). Setiap karya sastera itu dianggap boleh menyampaikan persoalan-persoalan dan memaparkan sifat-sifat kemuliaan, kebesaran dan kekuasaan Allah. Menurut beliau lagi, sastera di sini dapat diibaratkan sebagai ‘kitab’ yang dapat membantu insan untuk lebih mengenali akan sifat Tuhan sehingga timbulnya peningkatan rasa cinta dan hormat kepada yang Maha Esa. Oleh disebabkan itu, karya sastera juga dikatakan dapat memaparkan kesucian agama Islam dan menjadi alat pengembangan agama Islam.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), perkataan dakwah secara harfiahnya didefinisikan sebagai suatu kegiatan menyeru, membimbing dan meyakinkan untuk

mempengaruhi orang lain supaya mengamalkan ajaran agama yang sebenar. Agama Islam menegaskan dakwah sebagai suatu kegiatan atau aktiviti yang dijalankan untuk menyeru umat manusia mengakui kebesaran dan keesaan Allah SWT. Dakwah boleh disampaikan melalui tiga medium penyampaian, iaitu tulisan, lisan dan contoh teladan yang baik. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan menghuraikan aspek dakwah yang telah disampaikan melalui penulisan lirik kedua-dua buah lagu tersebut. Data kajian akan diklasifikasikan kepada dua bahagian berdasarkan lagu dan seterusnya dipersembahkan dalam bentuk jadual.

Dapatan Kajian Terhadap Lirik Lagu: Insyallah

Terdapat empat unsur dakwah yang telah dikenal pasti bagi memperlihatkan dan membuktikan penerapan pendekatan dakwah dalam lirik lagu Insyallah dendangan Maher Zain.

i) Allah Sentiasa Bersama Hamba-Nya

Jadual 1: Potongan Lirik Lagu Insyallah

Lirik Bahasa Inggeris	Lirik Bahasa Melayu
<i>Don't despair And never lose hope 'Cause Allah is always by your side</i>	Janganlah berputus asa Kerana Allah bersamamu

Berdasarkan Jadual 1 di atas, penulis lirik lagu Insyallah ingin menekankan kepada para pendengar agar sentiasa sabar dan tabah dalam menempuhi liku-liku kehidupan. Hal ini demikian kerana walau apa jua situasi atau keadaan yang dilalui, sama ada ketika sedih, duka, susah, senang dan gembira, Allah akan sentiasa bersama hamba-Nya. Sesungguhnya Allah Azzawajalla telah memberi jaminan dalam firman-Nya, surah al-Hadid, ayat 4;

هُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ يَعْلَمُ مَا يَلِجُ فِي الْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَنْزِلُ
((٤)) مِنَ السَّمَاءِ وَمَا يَرْجُ فِيهَا وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا كُنْتُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Maksudnya:

“Dia lah yang telah menciptakan langit dan bumi dalam enam masa, kemudian Ia bersemayam di atas Arasy; Ia mengetahui apa yang masuk ke bumi serta apa yang keluar daripadanya; dan apa yang diturunkan dari langit serta apa yang naik padanya. Dan Ia tetap bersama-sama kamu di mana sahaja kamu berada, dan Allah Maha Melihat akan apa yang kamu kerjakan.”

(al-Hadid: 4)

Namun begitu, sebagai manusia biasa, apabila masalah mencengkam, hati sedih, dan fikiran bercelaru, kita seakan-akan lupa bahawa ar-Rahman tidak akan pernah meninggalkan kita. Maka, ketika itu, kembalilah kepada Allah dengan solat kerana Nabi Muhammad SAW pernah berpesan bahawa waktu yang paling dekat antara manusia dengan Allah ialah ketika bersujud. Hal ini dibuktikan pada hadis daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda;

“Keadaan yang paling dekat antara seorang hamba dengan Rabbnya adalah ketika ia sedang sujud, maka perbanyaklah berdoa pada saat itu..”

[HR Muslim (482)]

Setiap umat manusia perlu mengetahui bahawa Allah menjadikan dunia ini sebagai tempat untuk diuji dan bukannya tempat untuk beristirahat. Maka, janganlah berputus asa dengan Allah kerana Allah lebih mengetahui, memahami dan berkuasa untuk menentukan apa yang terbaik bagi setiap ciptaan-Nya. Tegasnya, bait-bait lirik di dalam jadual tersebut mampu memberi kesedaran dan pengharapan kepada manusia untuk tidak kecewa atau bersedih hati dalam menempuh sesuatu perkara kerana mereka tidaklah bersendirian. Seperti yang telah Allah janjikan, Dia akan sentiasa ada, memerhati dan mengawasi hamba-hamba-Nya.

ii) Percaya akan Pertolongan Allah

Jadual 2: Potongan Lirik Lagu InsyaAllah

Lirik Bahasa Inggeris	Lirik Bahasa Melayu
<i>InsyaAllah</i> You'll find your way	InsyaAllah Ada Jalannya

Kalimah ‘InsyaAllah’ yang juga merupakan tajuk lagu ini jika diterjemahkan kepada bahasa Melayu secara literalnya membawa maksud ‘Dengan izin Allah’. Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan bahawa setiap perkara atau gerakan kita di bumi Allah ini akan berlaku hanya atas kehendak dan keizinan-Nya. Begitu juga apa yang telah diterapkan dalam konteks lagu ini, yang mana setiap kesusahan dan kesulitan itu akan mendapat bantuan atau pertolongan Allah. Para pendengar diseru untuk selalu bersikap optimistik kerana Allah akan menunjukkan jalan keluar kepada pemasalahan tersebut. Apa yang diperlukan hanyalah kesabaran, ketabahan dan berdoa. Bait-bait lirik dalam Jadual 2 itu juga secara tidak langsung telah memberi semangat, motivasi dan keyakinan kepada masyarakat bahawa ujian, musibah serta dugaan yang mendatang bukanlah bersifat selama-lamanya.

Seterusnya, lirik-lirik tersebut yang juga dijadikan sebagai korus lagu ini seakan-akan menunjukkan bahawa penulis karya ingin menekankan pendengar satu perkara, iaitu walau bagaimanapun suara-suara dalam atau luar berusaha mematahkan pengharapan, ingatlah jika Allah sudah mengkehendaki, tidak akan ada yang mampu untuk mengubahnya. Allah SWT juga tidak akan menguji hamba-Nya melampaui kemampuannya. Hal ini telah disebutkan dalam Surah al-Baqarah, ayat 286;

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Maksudnya:

“Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya”

(*al-Baqarah: 286*)

Pertolongan Allah juga sudah semestinya satu kepastian, seperti yang telah Allah firmankan dalam al-Quran;

أَمْ حَسِبْتُمْ أَنْ تُدْخَلُوا الْجَنَّةَ وَلَمَّا يَأْتِكُمْ مَثَلُ الَّذِينَ خَلَوْا مِنْ قَبْلِكُمْ مَسْتَهْتِبِهِمُ الْبِئْسَاءُ وَالضَّرَّاءُ وَزُلْزَلُوا حَتَّى يَقُولَ الرَّسُولُ
ۛ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا مَعَهُ مَتَى نَصُرُ اللَّهُ أَلَا إِنَّ نَصْرَ اللَّهِ قَرِيبٌ

Maksudnya:

“Adakah patut kamu menyangka bahawa kamu akan masuk syurga, padahal belum sampai kepada kamu (ujian dan cubaan) seperti yang telah berlaku kepada orang-orang yang terdahulu daripada kamu? Mereka telah ditimpa kepapaan (kemusnahan hartabenda) dan serangan penyakit, serta digoncangkan (oleh ancaman bahaya musuh), sehingga berkatalah Rasul dan orang-orang yang beriman yang ada bersamanya: Bilakah (datangnya) pertolongan Allah?” Ketahuilah sesungguhnya pertolongan Allah itu dekat”

(*al-Baqarah: 214*)

Dalil di atas jelas membuktikan bahawa Allah akan memberi pertolongan kepada setiap hamba-Nya. Jelaslah, terdapat unsur-unsur dakwah yang tersurat dan juga tersirat pada bait-bait lirik tersebut.

iii) Tidak Berputus Asa dalam Berdoa

Jadual 3: Potongan Lirik Lagu InsyaAllah

Lirik Bahasa Inggeris	Lirik Bahasa Melayu
<i>Put your trust in Him Raise your hands and pray</i>	Yakin pada-Nya Panjatkanlah doa

Berdasarkan jadual di atas, pengkaji dapat huraikan bahawa bait lirik tersebut mengajak para pendengar untuk setiasa meletakkan keyakinan yang tinggi kepada Allah sambil diiringkan dengan doa. Berdasarkan konteks lagu ini, walau apa jua permasalahan, kesulitan atau kegagalan dalam hidup kita, janganlah kita berputus asa untuk berdoa kepada Allah SWT. Kita perlu yakin sepenuhnya bahawa Allah akan mengabulkan doa-doa hamba-Nya. Sesungguhnya Allah SWT telah berfirman dalam Surah al-Mukmin, ayat 60;

أَدْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ (٦٠)

Maksudnya:

“Berdoalah kepada-Ku, nescaya Aku akan memakbulkan doa kamu”

(*al-Mukmin: 60*)

Ayat al-Quran di atas jelas menunjukkan bahawa umat Islam digalakkan untuk memanjatkan doa kepada Ya Rabb kerana Allah SWT pasti mengabulkan setiap satu doa

hamba-hambanya. Namun begitu, kita perlulah mengerti bahawa setiap doa itu, tidak semestinya dikabulkan pada saat keinginan kita. Terdapat tiga cara penerimaan doa kita menurut hadis daripada Abi Sid al-Khudri RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

“Tidaklah seorang Muslim berdoa yang tidak mengandungi dosa dan tidak bertujuan memutus silaturahmi, melainkan Allah SWT akan mengabulkannya dengan tiga cara: Allah akan mengabulkan doanya sesegera mungkin, Allah akan menyimpan (menjadikannya pahala) baginya di akhirat kelak, dan Allah akan menjauhkan darinya kejelekan.”

[HR Ahmad (11133)]

Rentetan daripada perkara itu, pengkaji berpendapat bait lirik tersebut telah menonjolkan aspek dakwah kepada pendengar untuk tidak mudah berputus asa dalam berdoa dan meletakkan keyakinan yang tinggi kepada-Nya.

iv) Sentiasa Memohon Hidayah daripada Allah

Jadual 4: Potongan Lirik Lagu InsyaAllah

Lirik Bahasa Inggeris	Lirik Bahasa Melayu
<p><i>Ooh Ya Allah</i> <i>Guide my steps, don't let me go astray</i> <i>You're the only one who can show me the way</i> <i>Show me the way (x3)</i></p>	<p>Oh Ya Allah Pimpinlah daku dari tersasar Tunjukkan daku ke jalan yang benar Jalan yang benar (x3)</p>

Jadual 4 di atas merupakan potongan lirik lagu InsyaAllah dendangan Maher Zain. Unsur dakwah yang cuba disampaikan pada bait-bait lirik tersebut ialah kita hendaklah sentiasa memohon petunjuk kebenaran daripada Allah atau dengan lebih tepatnya, hidayah. Hidayah didefinisikan sebagai petunjuk, pimpinan dan bimbingan Allah kepada hamba-Nya yang dikehendaki sahaja untuk menerima kebenaran. Melalui hidayah, kita dapat membezakan perkara yang baik mahupun jahil dan seterusnya dapat menghindarkan diri daripada melakukan dosa-dosa. Kita juga perlukan hidayah supaya Allah menetapkan kita dalam iman dan mematikan kita dalam iman. Hal ini demikian kerana iman boleh bertambah dan berkurang. Hati manusia ini sifatnya berbolak-balik dek kerana kehidupan di dunia ini penuh dengan liku-liku, gelombang ujian dan fitnah. Jadi, terdapat manusia yang pada mulanya beriman tetapi pada penamat kehidupannya di dalam kekufuran. Oleh itu, perkara ini jelas membuktikan hidayah atau petunjuk Allah sangat diperlukan dalam kehidupan kita.

Pengulangan lirik ‘*Show me the way*’ atau ‘Jalan yang benar’ pada lagu ini juga membawa makna implisit bahawa kita perlulah bersungguh-sungguh dalam meminta petunjuk atau hidayah Allah. Hal ini kerana hidayah juga membantu kita mendapatkan keredhaan Allah dan kebahagiaan di dunia dan akhirat seperti yang dapat dilihat pada firman Allah dalam Surah al-Kahf ayat 17:

((١٧) مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا

Maksudnya:

“Sesiapa yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah, maka dialah yang berjaya mencapai kebahagiaan; dan sesiapa yang disesatkanNya maka engkau tidak sekali-kali akan beroleh sebarang penolong yang dapat menunjukkan (jalan yang benar) kepadanya.”

(Surah al-Kahf: 17)

Selain itu, melalui lirik lagu tersebut juga penulis mahu sampaikan kepada pendengar bahawa kita sebagai hamba sentiasa memerlukan Allah untuk memimpin kita dengan memberikan keteguhan, kemantapan, penambahan dan kelangsungan hidayah. Hal ini disebabkan oleh manusia tidak mempunyai kuasa untuk memberikan manfaat atau mudarat kepada dirinya sendiri kecuali jika Allah mengkehendaki. Justeru, hidayah merupakan milik Allah yang wajib kita mohon kepada-Nya. Nabi Muhammad SAW pernah bersabda yang bermaksud;

“Sesiapa yang Allah hidayahkan padanya, maka dia tidaklah sesat dan siapa yang disesatkannya, nescaya seseorang itu tidak akan mendapat petunjuk.”

[HR Muslim (867) dan al-Nasaie (1578)]

Dapatan Kajian Terhadap Lirik Lagu: *Open Your Eyes*

Terdapat tiga unsur dakwah yang telah dikenal pasti bagi memperlihatkan dan membuktikan penerapan pendekatan dakwah dalam lirik lagu *Open Your Eyes* nyanyian Maher Zain.

i) Allah Maha Pencipta Sekalian Alam

Jadual 5: Potongan Lirik Lagu *Open Your Eyes*

Lirik Bahasa Inggeris	Lirik Bahasa Melayu
<i>Look around yourself Can't you see this wonder Spread in front of you The clouds floating by The sky so clear and blue Planets in their orbits The moon and the sun Such perfect harmony</i>	Di sekitarmu Tidakkah kau menyaksikan Terbentang nan luas Awan yang berarak Langit yang membiru Aturan cakrawala Mentari dan bulan Harmoni sempurna

Berdasarkan bait-bait lirik lagu *Open Your Eyes* dalam Jadual 5, penulis lirik ini, iaitu Maher Zain dan Bara Kherigi menyatakan ciptaan-ciptaan Allah yang tiada tanding kehebatan-Nya. Pengkaji dapat melihat unsur dakwah yang ingin disampaikan ialah hanya Allah sahaja yang Khaliq (Sang Pencipta). Alam semesta yang maha luas yang terkandung di dalamnya

pelbagai jasad-jasad samawi dari sekecil-kecil zarah sehingga sebesar-besar galaksi, termasuk planet, matahari dan bulan serta manusia adalah makhluk ciptaan Allah. Potongan lirik ‘*Such perfect harmony*’ atau terjemahannya ‘harmoni sempurna’ juga telah merujuk kepada betapa perkasanya Allah dalam mencipta kejadian alam semesta yang amat besar, seimbang, sempurna dan bermanfaat. Hal ini turut menunjukkan bahawa tiada manusia yang dapat menandingi ciptaan Allah SWT walaupun menggunakan teknologi moden.

Selain itu, sifat Allah SWT, iaitu al-Khaliq (Maha Pencipta) ini bukan sahaja disebabkan oleh penciptaan makhluk-Nya, tetapi itu adalah sifat-Nya sebelum Dia menciptakan sesuatu. Terdapat banyak ayat al-Quran dan hadis yang telah menceritakan mengenai Allah Maha Pencipta, antaranya ialah dalam Surah Al-Baqarah, ayat 117 dan Surah al-Imran ayat 190 hingga 191 berikut:

((١١٧)) بَدِيعَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَإِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُن فَيَكُونُ

Maksudnya:

“Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi (dengan segala keindahannya); dan apabila Ia berkehendak (untuk menjadikan) suatu, maka Ia hanya berfirman kepadanya: "Jadilah engkau!" Lalu menjadilah ia.”

(al-Baqarah: 117)

(١٩٠) الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَامًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ (نَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتَلَفِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لِأَيِّتٍ لِأُولَىٰ الْأَلْبَابِ
جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا تُسَبِّحُكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ (١٩١)

Maksudnya:

“Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal (iaitu) orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): "Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari siksa neraka.”

(al-Imran: 190-191)

Kedua-dua dalil di atas telah menunjukkan bahawa Allah Maha Pencipta sekalian alam dan sekali gus membuktikan bahawa rangkap lirik tersebut mempunyai unsur-unsur dakwah.

ii) Sentiasa Mengakui Kebesaran Allah

Jadual 6: Potongan Lirik Lagu *Open Your Eyes*

Lirik Bahasa Inggeris	Lirik Bahasa Melayu
<p><i>We just have to Open our eyes, our hearts and minds If we just look right, we'll see the signs We can't keep hiding from the truth And let it take us by surprise</i></p>	<p>Kita perlu Buka mata hati dan minda Saksikan semua petanda Mampukah menafikannya Terpaku tak berkata</p>

Jadual 7: Potongan Lirik Lagu *Open Your Eyes*

Lirik Bahasa Inggeris	Lirik Bahasa Melayu
<p><i>Let's start questioning ourselves Isn't this proof enough for us Or are we so blind to push it all aside</i></p>	<p>Tanyalah ke dalam diri Tak cukup lagikah bukti Butakah hati menolaknya ketepi</p>

Lirik-lirik lagu dalam kedua-dua jadual di atas menunjukkan bahawa penulis ingin menonjolkan aspek dakwah, iaitu menyeru umat manusia mengakui kebesaran Allah SWT. Penulis meminta pendengar untuk bermuhasabah akan segala kejadian dan pemberian yang dikurniakan di atas muka bumi ini. Penggunaan ayat seperti meminta dan menyoal tersebut dilihat amat bagus untuk menggerakkan hati dan fikiran pendengar agar mengakui hakikat bahawa segala-galanya ciptaan Allah dan manusia ini hanyalah insan kerdil yang tidak ada tolok bandingnya dengan kebesaran yang Maha Esa. Pada pendapat pengkaji, persoalan ‘*Isn't this proof enough for us*’ atau ‘Tak cukup lagikah bukti’ dalam potongan lirik tersebut sungguh memberi keinsafan kepada pendengar kerana bukti-bukti kebesaran Allah hanya berada di sekeliling kita namun kadang-kala kita masih buta untuk menyedarinya.

Hal tersebut selaras dengan lirik “*We just have to open our eyes, our hearts and minds*” atau “Kita perlu buka mata, hati dan minda” yang membuktikan bahawa untuk melihat tanda-tanda kebesaran Allah SWT hanya semudah membuka mata, hati dan minda sahaja. Firman Allah SWT dalam al-Quran:

(١٧) وَإِلَى السَّمَاءِ كَيْفَ رُفِعَتْ (١٨) وَإِلَى الْجِبَالِ كَيْفَ نُصِبَتْ (١٩) وَإِلَى الْأَرْضِ () فَلَا يَنْظُرُونَ إِلَى الْإِبِلِ كَيْفَ خُلِقَتْ
كَيْفَ سُوِّجَتْ (٢٠)

Maksudnya:

“*Tidakkah mereka memperhatikan keadaan unta bagaimana ia diciptakan? Dan keadaan langit bagaimana ia ditinggikan binaannya? Dan keadaan gunung-ganang bagaimana ia ditegakkan? Dan keadaan bumi bagaimana ia dihamparkan?*”

(*al-Ghashiyah: 17-20*)

Kesemua persoalan ini juga memberi tamparan hebat kepada golongan yang tidak mempercayai kebesaran Allah SWT. Sebagai orang Islam, kita perlulah mengakui kebesaran dan kekuasaan Ilahi dengan penyaksian terhadap alam sekeliling.

iii) Sentiasa Mensyukuri Nikmat Ilahi

Jadual 8: Potongan Lirik Lagu *Open Your Eyes*

Lirik Bahasa Inggeris	Lirik Bahasa Melayu
<i>Ya Rabb we raise our hands Forever we thank you Allhamdulillah</i>	Kami semua menadah tangan Bersyukur selamanya Alhamdulillah

Bait-baik lirik dalam jadual di atas merupakan kesinambungan daripada unsur-unsur dakwah sebelum ini. Perkataan ‘syukur’ merupakan perkataan daripada bahasa Arab yang secara literalnya bermaksud terima kasih kepada Tuhan atau beruntung (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Manakala, perkataan ‘alhamdulillah’ juga berasal daripada perkataan Arab yang jika diterjemahkan membawa maksud ‘Segala puji bagi Allah’. Perkataan ‘Alhamdulillah’ ini merupakan ungkapan ringkas untuk menzahirkan rasa syukur kita kepada Allah SWT di atas segala nikmat yang Allah kurniakan. Sebanyak 38 kali perkataan ini disebut dalam kitab suci al-Quran bagi menggambarkan Allah maha layak dipuji kerana zat-Nya, sifat-Nya, nikmat-Nya, rahmat-Nya dan panduan kehidupan yang diberikan-Nya kepada sekalian umat manusia.

Dalam konteks lirik lagu *Open Your Eyes*, penulis karya ingin menyampaikan pesanan kepada pendengar untuk sentiasa bersyukur atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua dalam dunia yang fana ini. Segala-galanya jelas bahawa aturan cakerawala dan alam sarwajagat merupakan ciptaan Allah, Maha Pencipta, dan diciptanya dengan segala kesempurnaan, sesuai dengan salah satu sifat Ya Rabb, iaitu Maha Sempurna. Antara nikmat asas yang pengkaji ingin ketengahkan ialah nikmat udara. Setiap udara yang kita hirup di muka bumi ini adalah percuma dan sudah pasti kita tidak mampu untuk membayarnya. Oleh hal yang demikian, janganlah kita alpa dan lupa untuk menyedari, menghargai dan mensyukuri sesuatu nikmat itu sehingga saat nikmat itu ditarik balik daripada kita.

Selain itu, bersyukur juga tidaklah dikhaskan kepada kesenangan dan kegembiraan sahaja, malah apabila dugaan menimpa hidup kita. Hal ini demikian kerana sesungguhnya ketentuan Allah itu adalah terbaik untuk kita meskipun kita tidak dapat memahami hikmah di sebaliknya. Sebagai umat Islam, kita wajib menzahirkan rasa syukur dengan memuji Allah Azzawajalla sama ada dengan cara lidah yang memuji, hati yang mengiktiraf dan anggota badan melakukan perkara yang diredhai-Nya (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019). Allah SWT telah berfirman dalam Surah Ibrahim, ayat 7;

((٧) إِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Maksudnya:

“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu memaklumkan, sesungguhnya jika kamu bersyukur, nescaya Aku akan menambah (nikmat) kepadamu, dan barang siapa yang mengingkari (nikmat-Ku), maka pasti azab-Ku sangat berat.”

(Ibrahim: 7)

Maka, jelaslah kita perlu selamanya mensyukuri segala anugerah pemberian Ilahi kerana sesungguhnya jika kita bersyukur, Allah akan melipatgandakan nikmat-Nya kepada kita.

KESIMPULAN

Berdasarkan hasil kajian, pengkaji dapat simpulkan bahawa lirik-lirik lagu dendangan Maher Zain, iaitu *Insyallah* dan *Open Your Eyes* telah memperlihatkan kewujudan pendekatan dakwah dalam Teori Pengkaedahan Melayu idea Hashim Awang. Hal ini menunjukkan kerelevanan teori menelusuri elemen dan komposisi sastera berunsur Islam. Seterusnya, setiap unsur dakwah yang pengkaji kenal pasti dalam lirik kedua-dua buah lagu telah menunjukkan terdapatnya perkaitan dan kesinambungan antara satu sama lain. Pengkaji turut mendapati bahawa lirik-lirik lagu tersebut kebanyakannya merupakan apa yang sudah termeterai di dalam kitab suci al-Quran. Kesannya, masyarakat akan mengingati kembali akan pesan-pesan Islam setiap kali mendengar lagu-lagu tersebut.

Tuntasnya, pengkaji telah berjaya mencapai kedua-dua objektif dalam kajian ini. Terapan pendekatan dakwah dalam lirik-lirik lagu ini dilihat dapat memberi implikasi yang positif kepada seseorang individu, khususnya yang beragama Islam. Lagu *Insyallah* dan *Open Your Eyes* bukan sahaja memiliki irama yang menjadi halwa telinga, bahkan liriknya juga begitu indah dalam proses penyampaian dakwah. Karya-karya tersebut juga mampu meninggikan nilai keimanan, ketakwaan dan kecintaan insan kepada Allah SWT serta dapat melahirkan khalayak yang mengamalkan nilai-nilai penghayatan Islam sebagai pegangan untuk mencapai kesejahteraan hidup fiddunya wal akhirah. Jelaslah, karya sastera seperti lirik lagu dapat mempamerkan kesyumulan Islam dan keagungan Allah yang Maha Esa.

RUJUKAN

Aziz Ataulah. (2016). Peranan Kritikan Sastera dalam Perkembangan Pengajian Kesusasteraan dan Bidang Kesusasteraan. [Online]: <https://www.pressreader.com/malaysia/utusanborneosarawak/20160201/> (Akses pada 25 Mei 2021).

- BH Online. (2016). Lagu Maher Zain Ada Mesej Dakwah Kepada Golongan Muda Malaysia. [Online]:<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2016/08/181441/lagumaherzain-ada-mesej-dakwah-kepada-golongan-muda-msia> (Akses pada 28 Mei 2021).
- Che Abdullah Che Ya. (2018). Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu dalam Bedar Sukma Bisu daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, 17(2), 328-342. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamka. (2018). *Prinsip dan Kebijaksanaan Dakwah Islam*. Jakarta: Gema Insani.
- Hashim Awang. (1985). *Mendekati Kesusasteraan Melayu*. Selangor: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Hashim Awang. (1994). Metodologi Kesusasteraan Islam: Kaedah Penilaian. *Dewan Sastera*, 10-15. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. (2002). Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya. *Kertas Kerja Bengkel Kajian Teori Sstera Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka*. Melaka: Riviera Bay Resort.
- Jumali Selamat. (2009). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam Menjaras Ribu Menerusi Pendekatan Dakwah. *Jurnal Personalia Pelajar*. 19-37. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan*. (2005). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maya Sopa. (2015). An Analysis of Moral Values in Maher Zain's Selected Song Lyrics. Medan: University of Sumatera Utara.
- Mohamad A'sim Ismail. (2017). Lagu Kerohanian Medium Dakwah Semasa. [Online]: <http://www.ikim.gov.my/index.php/2017/12/29/lagu-kerohanian-medium-dakwahsemasa/> (Akses pada 28 Mei 2021).
- Nadia Ishak dan Kamariah Kamarudin. (2019). Aspek Dakwah dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu. *Malay Literature*, 32(1), 117-144. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nur Syazwani Bederohisam dan Zubir Idris. (2020). *Syair Suka Duka dalam Pelayaran ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). Cara Menzahirkan Rasa Syukur kepada Allah SWT. [Online]: <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3125-al-kafi-1110-cara-menzahirkan-rasa-syukur-kepada-allah-swt>. (Akses pada 29 Mei 2021).
- Rendi, Abdurahman dan Bakhtaruddin. (2013). Interpretasi Makna Lirik Lagu-Lagu Grup Musik Erk dalam Album Erk: Kajian Semiotika. Indonesia: Fakultas Bahasa dan Seni.
- Roslina Abu Bakar dan Aone Van Engelenhove. (2016). Alam dan Budaya Masyarakat Melayu dalam Hikayat Pelanduk Jenaka. Melaka: Kolej Universiti Islam Melaka.
- Siti Fatimah Mohamed Anwar. (2019). Pengarang Perlu Jadi Pendakwah Sebenar, Seru Kebenaran. [Online]: <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2019/07/580294/pengarang-perlu-jadi-pendakwah-sebenar-seru-kebenaran> (Akses pada 25 Mei 2021).
- Toha Yahya Omar. (1992). *Ilmu Dakwah*. Jakarta: Wijaya.